

Pertemuan dengan Bush berterus terang, mesra

KUALA LUMPUR 14 Okt - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan pertemuannya dengan Presiden Amerika Syarikat (AS), George W. Bush di New York bulan lalu sebagai berlangsung dengan kedua-dua pihak tidak berselindung meluahkan pandangan masing-masing.

Menurut Perdana Menteri, perbualan mereka berlangsung tanpa sebarang konfrontasi dan beliau berpeluang berkongsi perasaan dan pandangan sebagai wakil Malaysia dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dengan Bush mengenai pelbagai isu dan perkara.

Topik perbualan mereka, ujar beliau, menyentuh pelbagai isu antarabangsa termasuk konflik di Asia Barat, Iran, Asia, keganasan dan demokrasi.

"Saya tidak menyembunyikan sebarang perkara yang ingin saya katakan kepadanya.

"Semasa saya bertemu dengannya, saya bercakap sebagai seorang Islam, seorang dari kawasan Ti-

mur, seorang Melayu, seorang pemimpin negara Islam dan sebagai Pengerusi OIC.

"Saya mahu menyuarkan perasaan kami, keprihatinan kami dan pandangan kami dalam pelbagai perkara.

"Ini kerana, Presiden AS, tidak kira siapa orangnya, merupakan seorang yang besar. Dia menentukan pelbagai perkara dan kita semua merana kerananya atau kita mendapat manfaat," katanya.

Abdullah berkata demikian pada program wawancara *CNN Talk Asia* selama setengah jam yang disiarkan di saluran CNN (Astro 90), hari ini.

Beliau memberi jawapan tersebut ketika diminta mengulas sejauh mana tahap persahabatannya dengan Bush dalam pertemuan mereka baru-baru ini.

Pada 15 September lalu, Perdana Menteri dan Bush bertemu di New York sempena kehadiran beliau pada sesi ke-61 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Dalam pertemuan selama 55 minit itu, mereka berbincang secara

panjang lebar serta bersetuju mengenai pentingnya semua pihak menghormati antara agama bagi mengelakkan konflik.

Abdullah berkata, beliau melahirkan harapan bahawa Bush akan menghargai usaha mereka yang

terlibat dalam konflik itu untuk mencari cara tersendiri bagi menyelesaikan masalah mereka.

"Beliau mengakui bahawa kita (orang Islam) mahukan keamanan dan beliau juga mahukan keamanan tetapi pendekatan kita berbeza. Dan inilah yang perlu jadi tumpuan untuk kita samakan supaya tidak jadi masalah, perlu ada persefahaman lebih baik," katanya.

Sementara itu, bercakap mengenai media, Abdullah berkata, kebebasan media yang diberi perlu mempunyai batasan bagi mengelak berlaku kekacauan.

Ini kerana, kata Perdana Menteri, media boleh bersifat tidak bertanggungjawab, boleh menghasut, boleh menyebabkan kecurigaan dan memberi tekanan.

"Sebagai contoh, penyiaran karikatur Nabi Muhammad sedikit waktu dahulu telah mengguris hati semua umat Islam.

"Jika perkara serupa disiarkan di Malaysia, oh Tuhan, apa akan terjadi nanti," katanya.

Beliau mengulas mengenai dak-

waan bahawa walaupun Malaysia mengamalkan prinsip demokrasi tetapi dalam soal kebebasan media ia tidak berlaku.

Dakwaan itu ekoran kajian dijalankan oleh wartawan *San Frontiers* tahun lalu yang meletakkan negara ini di tangga ke-113 daripada 167 negara yang mempunyai kebebasan media.

Menurut Abdullah, walaupun media di negara ini diberi kebebasan menyalurkan berita, namun ia merupakan tanggungjawab untuk menapis sendiri sesuatu yang dianggap boleh membawa kepada sensitiviti.

"Bagaimanapun, kaedah penapisan itu hanya berlaku di kalangan akhbar utama dan tidak akhbar-akhbar picisan yang sewenang-wenangnya menyiarkan dan memuatkan pelbagai perkara tanpa ada tapisan.

"Malah, saya juga tidak pernah tahu mana-mana negara yang mempunyai kebebasan akhbar sebenar dan setiap negara mempunyai kebebasan berbeza tahapnya," katanya.